

## FORUM NARATIF MALAYSIA BAHARU: APA TUJUANNYA?

Oleh

Tun Abdul Hamid Mohamad

Saya merujuk kepada Forum Naratif Malaysia Baharu yang diadakan pada 14 September 2019 di Mega Chinese Methodist Church, Kota Damansara, Selangor. Ia dibuka oleh Steven Sim Chee Keong dan ditutup oleh Michelle Ng Mei Sze.

Eloklah kita tahu sedikit mengenai latar belakang kedua-dua nama yang tersebut di atas, moderator dan ahli-ahli panel forum itu.

Steven Sim Chee Keong adalah Timbalan Menteri Belia dan Sukan dan Ahli Parlimen DAP Bukit Mertajam, seorang Cina Kristian.

Michelle Ng Mei Sze adalah Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor (ADUN) DAP Subang Jaya, seorang Cina Kristian.

Moderator forum itu, Philip Koh, seorang peguam, adalah seorang Cina Kristian.

Prof. Dr. Tajuddin Rasdi, adalah seorang profesor seni bina, Universiti UCSI. Beliau bukan sahaja satu-satunya ahli panel bukan Cina, malah satu-satunya peserta bukan Cina di forum itu.

Dr. James Chin adalah seorang Cina Kristian dari University of Tasmania. Beliau adalah kelahiran Malaysia (Sarawak) yang masih menjadi warganegara Malaysia.

Dr. Lee Kam Hing, bekas profesor sejarah Universiti Malaya, pada masa ini adalah Timbalan Naib Canselor, New Era University College.

Adakah forum itu mempunyai sesuatu agenda? Perhatikan apa yang dikatakan oleh Timbalan Menteri itu di permulaan ucapan pembukaannya. Katanya:

*“Mengapa kamu semua membuat ini, adakah sesuatu agenda di belakang, terutama sekali dengan Prof. Tajuddin ada sama.”* (Terjemahan saya.)

Daripada satu ayat itu kita boleh tahu bahawa:

1. Timbalan Menteri berkenaan mengenali Prof. Tajuddin;
2. Biasanya, apabila ada Prof. Tajuddin, adalah sesuatu agenda.

Ini disahkan oleh Prof Tajuddin sendiri dalam jawapannya di penghujung forum itu. Antara lain, katanya:

*“Lihat kepada Utusan Malaysia, siapakah yang menulis “tolonglah Utusan Malaysia”? Prof Tajuddin, yang kebanyakan orang Melayu tidak suka. Saya kata, “Lihat. Tolonglah, 700 orang”, kamu tahu, apabila mereka memberhentikan JASA, berapa ribu orang, orang BERNAMA juga, macam itu. Saya kata “Tolonglah,” dan lepas itu saya terpaksa merayu kepada orang bukan Melayu. Seorang Cina berkata, “Saya akan bagi RM20,000.00”, macam itu. Saya berkata kepada orang bukan Melayu, “Jika kita boleh mengumpul RM1 juta, kita boleh memalitnya di muka UMNO, dengan mengatakan “ini orang bukan Melayu tolong”...Beberapa orang berkata, “Wah kamu sangat bersemangat, kamu hendak menolong Utusan”. “Bersemangat bersemangatlah, tetapi saya juga mempunyai strategi politik, kamu tahu, dengan menolong mereka, kita menukar naratif seperti itu.*

*Apabila ada masalah, berkenaan agama Kristian atau orang Cina, kamu jangan buat kenyataan akhbar sendiri, tetapi mereka di luar sana, tak ramai, tapi orang macam saya, Siti Kassim, Anas Zubedy. Ini adalah orang Melayu yang berfikir terbuka, pastikan kamu memasukkan mereka dalam kenyataan ini, supaya kita tukar naratif dan juga kita boleh menjawab balik naratif PWTC, yang ini, dan itulah cara kita bergerak bersama. Walau pun Melayu ini tak ramai tak mengapa, kita boleh ada media, sebab itulah boikot tidak sebenarnya, tidak berjalan dengan cukup baik...”<sup>ii</sup> (Terjemahan saya, seperti yang beliau katakan. Ucapannya bercampur-campur Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu dan tidak tersusun. Lihat nota akhir.)*

Perhatikan agenda yang dipanggilnya “strategi” itu:

1. Beliau merayu kepada orang bukan Melayu (Cina) untuk menderma untuk “membantu” Utusan Malaysia dengan tujuan:

(a) memalukan UMNO.

(b) mensabotaj Utusan Malaysia dengan menukar naratif (berita atau sesuatu kisah) dan menjawab balik (counter) naratif UMNO/Perpaduan Ummah.

2. Satu lagi strateginya ialah untuk menggunakan orang Melayu seperti beliau, Siti Kassim dan Anas Zubedy bagi menyangkal kritikan orang Melayu/Islam terhadap isu-isu mengenai Kristian atau orang Cina.

Forum itu diadakan pada hari yang sama dengan Himpunan Perpaduan Ummah (HPU914) yang diadakan di PWTC. Adakah itu satu kebetulan?

Timbalan Menteri itu sendiri, dalam ucapan pembukaannya, merujuk kepada perhimpunan di PWTC. Katanya, *“Hari ini kita baru ada pertunjukan besar di PWTC, politik dan agama dirapatkan”*.<sup>iii</sup>

Prof. Tajuddin juga berkata, *“dan juga kita boleh menjawab balik naratif PWTC..”* Maka, ia bukan kebetulan tetapi untuk “counter” naratif PWTC.

Untuk mengetahui lebih lanjut tujuan forum itu diadakan, mari kita lihat isi kandungan ucapan pembukaan dan pembentangan ahli-ahli panel.

Kita kembali kepada ucapan Timbalan Menteri.

*"Saya akan lakukan dua perkara dalam ucapan saya hari ini, semua sekali. Saya ingin, nombor satu, memberitahu anda betapa indahnyanya Kerajaan Tuhan (Kingdom of God) tetapi saya juga ingin berkongsi dengan anda beberapa perkara yang saya minati atau kerajaan telah lakukan dalam satu tahun yang lalu.<sup>iv</sup>*

.....

*"... tetapi ketika orang bertanya tentang politik Jesus, seperti ahli politik yang baik saya selalu kembali kepada apa yang saya sebut manifesto Jesus, ...*

*.... Saya berpendapat bahawa Jesus juga mempunyai manifesto kecuali bahawa tidak seperti manifesto PH, manifesto Jesus ada dalam Kitab Suci.*

*Ini adalah dari Luke Bab IV ayat 18 hingga 19, dan lihat cara Luke berdoa cerita ini.*

*Bagaimana apabila kita mengundi Jesus?*

*Apa yang berlaku apabila Jesus akhirnya menjadi Raja?*

*Pertama, mesti ada berita baik kepada orang miskin ...*

*Kedua, apabila Negara Tuhan tiba, mestilah ada kebebasan bagi banduan ...*

*Dan ketiga, apabila Christ menjadi Raja, ada pemulihan penglihatan untuk orang buta ...*

*Apabila Tuhan menjadi Raja, nombor empat, akan ada pelepasan bagi yang ditindas ...*

*Semua Cina, melainkan Tajuddin...*

*Ini adalah tahun Tuhan untuk bertindak .*

*Rakan-rakan saya sekalian, Negara Tuhan adalah misi yang tidak boleh dihalang, dan alasannya adalah ini, Tuhan sendiri akan bertindak atasnya, dan itu adalah keyakinan kita yang tidak dapat digoyang.*

*Negara Tuhan tidak dapat dihentikan, dan ini adalah jawapan kita untuk semua ideologi kapitalisme, komunisme, sosialisme, liberalisme, nasionalisme. Tuhan sendiri berkomitmen untuk bertindak dan memastikan kejayaan Kerajaan-Nya sendiri."<sup>v</sup>*  
(Terjemahan saya mengikut apa yang dikatanya. Rujuk nota akhir.)

Apa kata Pof. Tajuddin? Ia boleh disimpulkan dengan satu ayat: Beliau mengutuk Islam dan orang Islam. Sila ikuti antara apa yang dikatakannya:

*"Tetapi sebenarnya untuk memberitahu anda kebenaran mengapa saya di sini dan dalam satu pengertian tidak diterima oleh bangsa saya sendiri dan juga agama saya sendiri, adalah kerana secara kebetulan saya membaca 20,000 hadith Nabi Muhammad, daripada Bukhari, Muslim, ini teks-teks yang sepatutnya dibaca oleh ustaz-ustaz, tetapi mereka tidak membacanya, dan umat Islam tidak membaca apa-apa.*

.....

*.... sekolah-sekolah kerajaan kita melarang agama-agama lain diajar, kerana mereka mengatakan ia akan mengelirukan, memanglah keliru, anda beri ustaz, mereka tidak tahu bagaimana hendak berfikir melebihi apa yang mereka telah diajar di madrasah, bagilah profesor seni bina (beliau adalah prof. senibina – ditambah), bolehlah, kita tukar, kerana sebagai arkitek kita berfikir di luar kotak, bahkan kita tidak tahu apa kotak itu.<sup>vi</sup> (Terjemahan saya).*

.....

*Katakan lah, orang berkata anda telah bertemu Tuhankah, perkara seperti itu, dan berkata keempat-empat agama itu mereka belum bertemu dengan Tuhan. Maka mereka samalah seperti lima lelaki buta yang cuba untuk mengetahui apa gajah itu padahal mereka tidak pernah melihat apa gajah itu.<sup>vii</sup> (Terjemahan saya).*

.....

*Sekarang, dalam Islam kerohanian adalah berapa kali anda pergi ke haji, berapa kali anda pergi ke umrah, berapa kali anda berjalan ke masjid....*

*Lihat, dalam Islam mereka diajar ritual dan bentuk tetapi bukan jiwa, bahagian dalam, dan ini adalah masalah, dan bagaimana untuk menyelesaikannya, saya tahu bagaimana hendak menyelesaikannya, hanya saya tidak diberi peluang menyelesaikannya.<sup>viii</sup> (Terjemahan saya)*

Kita lihat pula apa yang dikatakan oleh ahli panel kedua, Dr. James Chin.

Beliau membawa satu point utama, iaitu ketidakpuasan hati beliau terhadap pertambahan penduduk Sabah, yang mengikutnya, kebanyakannya dibawa masuk dari Filipina Selatan. Antara lain, inilah katanya:

*"Kini, satu yang menambah kesedihan yang tidak relevan dengan Sarawak tetapi sangat relevan dengan Sabah, sudah tentu rakyat Sabah juga sangat marah kerana telah ada perubahan dramatik dalam demografi Sabah. Sekiranya anda melawat Sabah, katakan pada tahun 1965, Sabah adalah sebuah masyarakat yang cukup seimbang. Majoriti adalah Kadazan Dusun Murut, KDM.*

*Tetapi di akhir tahun 1970-an sepanjang tahun 1980-an dan 1990-an terdapat perkara yang disebut Projek IC, ada yang menyebutnya Projek M. Pada dasarnya, ia bererti membawa sejumlah besar pendatang haram dari Filipina Selatan, jumlah yang lebih kecil*

*dari Indonesia, penyediaan dokumen segera baru yang berakhir dengan IC biru Malaysia supaya mereka menjadi warganegara, inilah yang kita panggil warga kertas.*

*Hari ini keadaan sangat serius di Sabah kerana kira-kira 1/3 orang di Sabah hari ini adalah rakyat segera. Sama seperti kopi segera, anda mencurahkanya ke dalam air panas maka anda mendapat IC biru. Kini, dalam keadaan biasa ini tidak akan menjadi masalah tetapi dalam konteks Sabah ia menjadi masalah besar kerana hampir semua kes, semua orang yang dikeluarkan IC biru berakhir dalam senarai pemilih. Dalam erti kata lain, anda menjadi warganegara segera untuk menjejaskan hasil pemilihan negeri.*

*Oleh itu, saya telah memberikan anda dua angka. Pada tahun 1976, terdapat 22 kerusi majoriti Kadazan Dusun Murut, pada tahun 2008 ia jatuh kepada 13. Pada tahun 1976, terdapat 18 kerusi Islam, pada tahun 2008 terdapat 36. Jadi dalam ruang pada dasarnya satu generasi hasil politik untuk setiap pemilihan negeri Sabah adalah bahawa anda akan berakhir dengan kerajaan Islam, tidak ada dua pilihan mengenainya. Esok, walaupun jika setiap orang bukan Islam di Sabah mengundi untuk parti bukan Islam, anda masih akan berakhir dengan kerajaan Islam. Ok, itulah kenyataannya. Jadi itulah sebabnya KDM sangat marah.”<sup>ix</sup> (Terjemahan saya).*

Di akhir ucapannya, beliau beralih kepada gerakan pemisahan. Ini katanya:

*“Apa yang juga sangat menarik dalam 10 tahun yang lalu ialah banyak gerakan pemisahan sebenarnya mempunyai dimensi antarabangsa. Mereka mempunyai penyokong di luar Malaysia. Mereka menubuhkan kumpulan di luar untuk menyokong mereka. Jadi, pada 22 haribulan (September) ini, akan ada persidangan, persidangan antarabangsa yang diadakan oleh gerakan pemisahan. Mereka terpaksa mengadakannya di Melbourne dan mereka membincangkan masa depan Sabah dan Sarawak di luar persekutuan. Jadi jika anda berada di Melbourne pada 22 September, datang dan jumpa saya, saya akan memberikan tiket untuk menghadiri, FOC, secara percuma.”<sup>x</sup> (Terjemahan saya).*

Sekarang, kita sampai kepada ahli panel ketiga Dr. Lee Kam Hing. Antara lain, katanya:

*“Sejarah Malaysia atau sejarah yang dibentangkan dalam buku sejarah kita mempunyai satu, tanah air orang Melayu, dan masyarakat pendatang. Tema berterusan yang berjalan dalam naratif sejarah yang ditaja negara dan dicerminkan dalam buku teks sejarah semasa untuk sekolah dan universiti, tema utamanya adalah perpaduan Melayu, nasionalisme Melayu, Islam dan Malaysia sebagai tanah air bagi orang Melayu. Teras utama tema ini ialah tuntutan ketuanan Melayu dan kedudukan istimewa orang Melayu. Lebih penting lagi, kisah-kisah sekarang yang dibina di sekeliling Perikatan, BN sebagai makna kemerdekaan negara, dan bahawa UMNO adalah pelindung dan pembela hak Melayu.*

.....

*Dalam usaha untuk menekankan kepentingan Islam dalam sejarah, Teks Sejarah Dunia Tingkatan Empat memperuntukkan 5 dari 10 bab mengenai sejarah Islam. Jadi anda*

mempunyai 10 bab sejarah dunia dan, jadi anda mempunyai 5 dari 10 bab dalam sejarah Islam, hanya 3 dari 10 bab dalam sejarah dunia yang berkaitan dengan perkembangan idea dan institusi di luar Malaysia dan negara-negara Asia Tenggara. Oleh itu, hanya 3 daripada 10 bab sejarah dunia yang dikhaskan untuk sejarah dunia di luar rantau ini.

.....

Sekarang dalam naratif ini, peranan dan kehadiran bukan Melayu diberi perhatian yang sangat minimum.

... ..

.... Kehadiran Kristian, dan saya ingin mengakhiri perkara ini, telah menjadi sebahagian daripada sejarah negara, terutamanya sejarah Bumiputera Kristian.....

Sekarang, misi Kristian menyumbang kepada pengetahuan dan penerbitannya melalui media cetak dan ia adalah Kristian, London Business Society, yang menerbitkan jurnal berbahasa Melayu yang pertama bernama *Busan Arbi*, dan buku-buku Melayu yang pertama dicetak oleh rumah penerbitan misi, yang dipanggil MPH, kolej pembelajaran pertama di Melaka pada tahun 1850, Anglo-Chinese College, dan salah seorang guru di sana adalah Prof James Leigh yang kemudiannya menjadi profesor Chinese di Oxford. Sekarang, orang Kristian adalah ilmuan peradaban Melayu.<sup>x1</sup>

Akhir sekali, inilah yang dikatakan oleh Philip Koh semasa menyimpulkan resolusi forum itu:

“Tetapi kita semua tahu, Tajuddin juga mengatakannya bahawa banyak kursus yang dijalankan dari segi pendidikan dan latihan belia, kelas-kelas sivik menyebarkan nasionalisme etnik, ketuanan Melayu, bukan nasionalisme sivik, yang bermaksud kita mempunyai sebuah negara bersama.

Kebangkitan Islam, betul, adalah sebahagian dari keseluruhan 3 R ini yang kita bercakap mengenainya: Agama, Ras, Kesultanan. Isu-isu ini berleluasa dengan cara saya, sebagai seorang peguam, ketika saya melihat di mahkamah, pada satu ketika mahkamah nampaknya membenarkan 3 R untuk mengalahkan peruntukan mengenai tafsiran Perlembagaan Persekutuan. Perkara 3 (1) mengatakan dan kita mesti beri kepadanya *all the weight and respect*, bahawa Islam adalah agama Persekutuan, tetapi Perkara 3 (4) sangat jelas, betul, ia mengatakan bahawa tiada apa-apa dalam perisytiharan ini akan merosotkan, menjejaskan atau merosakkan mana-mana perkara (article) lain. Dan, saya akan memanggilnya kawan, Tan Sri Malanjum, Ketua Hakim Negara yang telah bersara, betul, saya ingat dia dalam kes Lina Joy, betul, sesetengah daripada kita telah mendengar tentang itu, dia berkata, "Hello, hello, ada orang yang melihat Perkara 3 (4)?" Dia adalah satu-satunya suara yang menentang tetapi ada suara-suara dominan dalam badan kehakiman yang menggunakan Perkara 3 (1) untuk mengatasi perkara-perkara lain, termasuk kebebasan seseorang untuk menukar agamanya.<sup>xii</sup>

Saya sengaja memperturunkan petikan ucapan atau pembentangan mereka supaya pembaca dapat membaca dan menilai sendiri dan tidak hanya percaya dan bersetuju dengan apa yang saya katakan.

Dalam ucapannya, Timbalan Menteri itu memuji Negara Tuhan yang mereka hendak tegakkan di negara ini berdasarkan Manifesto Jesus. Beliau menyeru semua Cina (Kristian) untuk bertindak kerana ini adalah tahun Tuhan untuk bertindak dan Tuhan sendiri akan bertindak untuk menegakkan negara Tuhan itu.

Mereka tahu bahawa orang Melayu/Islamlah yang akan menjadi penghalang mereka. Mereka memperolehi seorang Melayu dan Islam yang bersedia untuk mengutuk orang Melayu dan agama Islam di hadapan Cina Kristian. Beliau telah pun mengatur dan melaksanakan strateginya untuk sabotaj Utusan Malaysia. Lebih penting lagi ialah nasihat beliau kepada mereka, jika ada apa-apa isu mengenai Kristian dan Cina, mereka janganlah membuat kenyataan akhbar sendiri, tetapi menggunakan orang-orang seperti beliau, Siti Kassim dan Anas Zubedy untuk menjawabnya. Semestinya senjata sulit peluru Melayu ini adalah tambahan kepada beratus-ratus Red Beans, termasuk yang menggunakan nama Melayu/Islam.

Ahli panel kedua yang berasal dari Sarawak dan menetap di Australia, diterbangkan dari Tasmania hanya mengemukakan perangkaan mengenai penerimaan rakyat Filipina yang beragama Islam sebagai penduduk Sabah dan rakyat Malaysia. Beliau mengakhiri pembentangan beliau dengan menawarkan tiket percuma untuk menghadiri persidangan bagi membincangkan masa depan Sabah dan Sarawak di luar Malaysia yang diadakan di Melbourne dan mendapat sokongan antarabangsa itu.

Daripada ucapannya pun kita boleh lihat bahawa beliau adalah seorang penyokong, jika tidak pejuang, pemisahan Sabah dan Sarawak dari Malaysia. Bagaimana beliau boleh masuk keluar Malaysia dengan bebas untuk mempromosi perpisahan Sabah dan Sarawak dari Malaysia?

Ahli panel ketiga, bekas Profesor Sejarah Universiti Malaya, pula mengkritik sejarah yang ditulis dalam buku sejarah kita, yang mengikutnya, Malaysia adalah tanah air orang Melayu dan orang bukan Melayu adalah masyarakat pendatang. Peranan dan kehadiran orang bukan Melayu dan Kristian diberi perhatian yang sangat minima.

Akhir sekali, Philip Koh, moderator, yang tidak puas hati dengah hakim-hakim, yang menurutnya menggunakan Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan untuk mengatasi perkara-perkara lain, termasuk kebebasan seseorang untuk menukar agamanya.

Kita boleh simpulkan tujuan forum itu, iaitu:

1. Untuk menjadikan Malaysia sebuah Negara Tuhan berasaskan Manifesto Jesus.
2. Untuk membangkitkan rasa tidak puas hati orang Cina Kristian supaya mereka bangun bertindak, mereka diberitahu mengenai "ketidakadilan" yang dilakukan terhadap mereka oleh kerajaan BN:
  - a. bahawa kerajaan BN telah membawa masuk banyak orang Islam

daripada Filipina untuk menambah bilangan pengundi Islam di Sabah;

- b. bahawa peranan orang bukan Melayu dan orang Kristian tidak diiktiraf dalam sejarah negara;
- c. bahawa hakim-hakim (yang majoritinya Melayu) menggunakan Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan untuk menghalang kebebasan seseorang untuk menukar agamanya.

3. Untuk memperlekehkan Islam dan orang Islam pada pandangan peserta, Prof. Tajuddin memainkan peranannya.

4. Antara strategi mereka, ialah mensabotaj Utusan Malaysia untuk menukar naratif Melayu/Islam dan menggunakan orang Melayu/Islam untuk melawan (counter) kritikan orang Melayu/Islam terhadap orang Cina dan Kristian.

Perlu difahami bahawa soal sama ada peruntukan 3(1) Perlembagaan Persekutuan menghalang seseorang itu menukar agama atau tidak, tidak ada kena mengena dengan orang bukan Islam. Tidak ada penghakiman mahkamah, tidak ada undang-undang, tidak ada orang Islam yang menghalang orang bukan Islam menukar agama. Jika tidak kesemua mereka tidak boleh menukar agama asal mereka kepada agama Kristian.

Kaum yang paling banyak menukar agama adalah orang Cina. Orang Islam tidak menghalang mereka. Masyarakat mereka juga tidak mengambil kisah selagi mereka tidak menukar agama kepada Islam. Tetapi, apabila sahaja seorang anggota masyarakat mereka memeluk agama Islam, maka bukan sahaja keluarganya menentanginya, seluruh masyarakatnya akan memboikotnya. Itu menunjukkan prejudis, jika tidak permusuhan, mereka yang mendalam terhadap Islam.

Tetapi, apabila terdengar sahaja ada seorang Islam yang murtad atau hendak murtad, apatah lagi jika hendak memeluk agama Kristian, maka pasukan peguam mereka dan seluruh jentera *missionary* mereka akan bergerak serentak untuk membantu dan membelanya. Tidak kira di mana, mereka sampai. Siapa yang membayar upah (fee) mereka?

Jika apa yang dikatakan oleh Philip Koh itu benar pun (saya tidak berkata ia benar atau tidak), ia melibatkan orang Islam, yakni, dengan tafsiran Perkara 3(1) seperti itu, orang Islam dihalang menukar agama, apa kena mengena dengan orang bukan Islam melainkan mereka mahu orang Islam menukar agama ke agama mereka?

Ingatlah cubaan untuk menggunakan kalimah Allah dalam bible Bahasa Melayu dan upacara agama Kristian dalam Bahasa Melayu setelah gereja Kristian gagal mengkristiankan orang Melayu secara besar-besaran selama 500 tahun.

Dalam kata-kata lain, dalam usaha menegakkan Negara Tuhan itu, mereka juga mahu mengkristiankan orang Melayu/Islam.



Sekarang fahamlah kita apa yang dimaksudkan dengan Naratif Malaysia Baharu Pakatan Harapan itu .

Saya tujukan rencana ini kepada semua orang Melayu/Islam melampaui sempadan parti politik di Malaysia. Ini adalah ancaman kepada kita semua yang kita perlu tentang bersama.

Yang paling mendukacitakan ialah apabila Menteri Belia dan Sukan (seorang Melayu/Islam) ditanya mengenai aktiviti timbalannya itu, beliau menjawab, "*Dia tidak cuba mengkristiankan saya pun*". Itu bukanlah jawapan yang layak diberi oleh seorang Menteri. Ia menunjukkan betapa naifnya menteri Melayu dalam kabinet PH.

29 09 2019

tunabdulhamid@gmail.com  
<http://www.tunabdulhamid.my>  
<https://tunabdulhamid.me>

---

#### NOTA AKHIR

*i Why you all do this, is there any agenda behind, especially with Prof Tajuddin around?*

*ii Look at Utusan Malaysia, who was the one who wrote "tolonglah Utusan Malaysia"? Prof Tajuddin, which most Malays don't like. I said, "Look, tolonglah, 700 orang", you know, when they fired the JASA, berapa thousand people, BERNAMA people also, things like that. I said, "Tolonglah", and then I had to appeal to the non-Malays. One Chinese said, "I will give RM20,000", something like that. So I said to the non-Malays, "If we can put up RM1 million we can smear it in the UMNO's face, saying that ini orang bukan Melayu tolong"... Some people said, "Wah, you are so compassionate, you want to help Utusan". Compassionate compassionatelah, but I also have my political strategy, you know, by helping then we change narrative this way.*

*Whenever there is a problem, in Christianity or in Chinese, don't make the press statement by yourself, because they are out there, tak ramai, tapi people like myself, Siti Kassim, Anas Zubedy. These are Malays who are open-minded, make sure you include them in this statement, so we change the narrative, and also we can counter the narrative that the PWTC is giving, and that is how we move forward together. Walaupun these Malays are not many but it is ok, we can have the media, so that is why the boycott is not really that really running very well when many of the Malays, open-minded people, talked to..*

*iii Today we just had a big show in PWTC, politics and religion coming together.*

*iv I am gonna do two things in my speech today, all at once. I want to, number one, tell you how wonderful the Kingdom of God is but I also want to share with you some of the things that my ministry or even the government has been doing in the past one year.*

*v .....but when people asking about Jesus politics, like a good politician I always go back to what I call the Jesus manifesto, ...*

---

*... I argue that Jesus too had a manifesto except that unlike the PH manifesto the Jesus manifesto is in the Scripture.*

*This is from Luke Chapter IV Verse 18 to 19, and look at the way Luke pray this story.*

*What is it like when we vote for Jesus?*

*What happens when Jesus is finally King?*

*First, there must be good news to the poor...*

*Second, when the Kingdom of God comes there must be freedom for prisoners...*

*And thirdly when Christ becomes King, there is a recovery of sight for the blind...*

*When God becomes King, number four, there will be release for the oppressed...*

*All Chinese, except Tajuddin...*

*This is God's year to act..*

*My dear friends, the Kingdom of God is an unstoppable mission, and the reason is simply this, God Himself will act on it, and that is our unshakeable confidence.*

*The Kingdom of God is unstoppable, and this is our answer to all the ideologies of capitalism, communism, socialism, liberalism, nationalism. God Himself is committed to act and ensure the success of His own Kingdom.*

*<sup>vi</sup> ...our public schools disallow other religions to be taught, because they say it is going to confuse, memanglah confused, you bagi the ustazs, they don't know how to think beyond what they have been taught in the madrasah, bagilah professor of architecture, bolehlah, kita tukar, because as architects we think outside of the box, we don't even know what the box is.*

*<sup>vii</sup> Let us just say lah, people said that have you met God, thing like that, and said the four faiths, no they have not met God. Then they are just like five blind men trying to figure out what the elephant is when they have never seen what the elephant is.*

*<sup>viii</sup> Now in Islam spirituality is how many times you go to hajj, how many times you go for umrah, how many times you walk to the mosque....*

*See, in Islam they are being taught the rituals and the forms but not the jiwa, the inside, and this is the problem, and how to solve that, I know how to solve that, it is just that nobody is giving any opportunity to solve.*

*<sup>ix</sup> Now, one added unhappiness which is not relevant to Sarawak but is very relevant to Sabah is that of course Sabahans are also very angry because there has been a dramatic shift in the demography of Sabah. If you were to visit Sabah say in the 1965 Sabah was a society that was quite well-balanced. The majority were the Kadazan Dusun Murut, KDM.*

*But sometimes in the late 1970s throughout 1980s and 1990s there was this thing called Project IC, some people call it Project M. Basically what this was to bring a huge number of illegal migrants from the Southern Philippines, a smaller number from Indonesia, a new instant paperwork which would allow them to end up with a Malaysian blue IC so they become citizens, this is what we call paper citizens.*

---

Today the situation is very serious in Sabah because roughly 1/3 of the people in Sabah today are instant citizens. Just like an instant coffee, you pour it in a hot water then you get blue IC. Now, under normal circumstances this would not be a problem but in the Sabah context it is a huge problem because almost all cases, all those who are issued blue ICs end up in the electoral roll. In other words, you become instant citizens in order to affect the outcome of state elections.

So I have given you two figures. In 1976, there were 22 Kadazan Dusun Murut majority seats, by 2008 it dropped to 13. In 1976, there were 18 Muslim seats, in 2008 there were 36. So within a space of basically one generation the political outcome for any state elections in Sabah is that you will end up with a Muslim government, there is no two ways about it. Tomorrow even if every non-Muslim in Sabah votes for a non-Muslim party you will still end up with a Muslim government. Ok, that is the reality. So that is why the KDM is very angry.

<sup>x</sup> What is also very interesting in the last 10 years is that many of these secessionist movements actually have international dimension to it. They have supporters outside Malaysia. They set up groups outside to support them. So on 22<sup>nd</sup> of this month (September), there will actually be a conference, an international conference convened by the secessionist movement. They got to hold it in Melbourne and they got to discuss the future of Sabah and Sarawak outside the federation. So if you are in Melbourne on 22<sup>nd</sup> of September, come and see me, I will give you the ticket to attend it, FOC, free of charge.

<sup>xi</sup> A Malaysia or a history presented in our history books has one, a homeland of the Malays, and an immigrant society. A persistent theme running through in state sponsored historical narrative and reflected in the current history textbooks for schools and universities, the main theme is the Malay unity, Malay nationalism, Islam and Malaysia as a homeland for the Malays. A major thrust of this theme is a claim of ketuanan Melayu and the special position of the Malays. More significant, the present narratives built around Alliance, BN as central in the meaning of the country's independence, and that UMNO is the protector and defender of the Malay rights.

.....

In the effort to stress the importance of Islam in history, the Form Four World History Text devotes 5 of the 10 chapters on the history of Islam. So you have the World History 10 chapters and, so you have 5 of the 10 chapters on the history of Islam, only 3 of the 10 chapters on World History deals with the development of ideas and institutions outside of Malaysia and South East Asian countries. So only 3 chapters of 10 chapters on World History is devoted to the history of the world outside the region.

.....

Now in this narrative, the role and presence of non-Malays are given very minimum attention.

.....

.... The Christian presence, and I would like to end on this point, has been an integral part of the country's history, especially of the history of Christian Bumiputera....

Now Christian missions contribute to knowledge and its production through the printing press and it was Christian, the London Business Society, which published the first Malay learned journal called *Busan Arbi*, and the first Malay books were printed by the mission publishing house, which is called the MPH, the first college of learning was in Malacca in 1850, the Anglo-Chinese college, and one of the teachers there was Prof James Leigh who later became the first professor of Chinese in Oxford. Now, Christians were scholars of Malay civilization.

<sup>xii</sup> But we all know just now, Tajuddin mentioned it too, that many of the courses conducted in terms of education and training of youths, the civic classes is propagating a ethnic nationalism, a ketuanan Melayu construct, not the civics nationalism, meaning that we have a shared nationhood together.

Resurgent Islam, right, is part of this whole the 3 Rs that we talked about: Religion, Race, Rulership. These issues are pervasive in a way of which I, as a lawyer, when I look at the courts, when at one point the court seems to allow the 3 Rs to trump, not Donald Trump but to trump, the interpretive articles of the Federal Constitution. Article 3(1) says indeed, and we must give it all the weight and respect, that Islam is the

---

*religion of the Federation, but Article 3(4) is so clear, right, it says that nothing in this declaration shall derogate, shall affect or impair any other articles. And I would call him a friend, Tan Sri Malanjum, the retired Chief Justice, right, I remember him in the Lina Joy's case, right, some of us have heard of that, he said, "Hello, hello, is anybody looking at Article 3(4)?" He was the single dissenting voice and yet there were dominant voices in the judiciary that used the Article 3(1) to trump the other articles, including the freedom of someone to convert and to change his religion or her religion.*